Para Pengarah PHNB yang memegang jawatan sejak laporan kami yang terakhir adalah seperti berikut:

- Tan Sri Dato' Seri (Dr.) Ahmad Sarji bin Abdul Hamid
- Tan Sri Geh Ik Cheong
- Datuk Hamad Kama Piah bin Che Othman
- Dato' Abd. Wahab bin Maskan
- Dato' Mohd. Hussaini bin Haji Abdul Jamil
- Dato' Mohammed Hussein (dilantik pada 14 November 2002)
- Dato' Ismail bin Shahudin (dilantik pada 18 Mac 2002 dan meletak jawatan pada 1 Julai 2002)

**FAEDAH-FAEDAH PARA PENGARAH**

Samada sepanjang atau pada akhir tahun, PHNB atau AHP tidak menjadi pihak kepada sebarang perjanjian yang bertujuan membolehkan para Pengarah mendapat faedah melalui perolehan saham atau debentur dalam PHNB atau lain-lain badan korporat atau pemilikan unit dalam AHP.

Sejak tarikh tahun kewangan terakhir, tiada Pengarah PHNB yang telah menerima atau layak menerima sebarang faedah (selain daripada faedah yang terakru daripada yuran kepada PHNB atau daripada urusan dengan syarikat-syarikat yang berkaitan dengan PHNB seperti yang dinyatakan di nota-nota penyata kewangan AHP) hasil dari kontrak yang dibuat oleh PHNB atau AHP atau badan yang berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana Pengarahnya ialah ahli atau dengan syarikat di mana Pengarah itu mempunyai kepentingan.

**KEPENTINGAN PENGARAH**

Berdasarkan kepada rekod pegangan saham para pengarah PHNB, kepentingan para pengarah PHNB yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan di dalam saham AHP semasa tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Jumlah Unit Bernilai RM1 Setiap Satu			
	1 Januari 2002	Beli	Jual	31 Disember 2002
Dato' Mohd. Hussaini bin Haji Abdul Jamil	12,000	-	-	12,000

Tiada lain-lain pengarah yang mempunyai kepentingan di dalam AHP sepanjang tahun kewangan.

Samada sepanjang tahun atau pada akhir tahun, tiada kontrak penting yang telah dipersetujui yang melibatkan para pengarah dan pemegang saham utama.

**LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN**

- (a) Sebelum penyata pendapatan dan lembaran imbangan AHP disediakan, Pengurus-Pengurus telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya:
  - (i) untuk memastikan bahawa tindakan telah diambil berkaitan dengan pemansuhan hutang lapuk dan peruntukan bagi hutang ragu dan berpuashati tiada sebarang hutang lapuk yang diketahui dan tiada peruntukan yang diperlukan untuk hutang ragu; dan
  - (ii) untuk menentukan bahawa harta semasa yang mungkin tidak dapat direalisasi dalam perniagaan biasa mengikut nilai harga yang ditunjukkan dalam penyata kewangan AHP telah dikurangkan nilainya kepada nilai yang dianggap boleh direalisasi.
- (b) Pada tarikh laporan ini, Pengurus-Pengurus tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang:
  - (i) memerlukan pemansuhan hutang lapuk atau peruntukan hutang ragu dibuat dalam penyata kewangan AHP; dan
  - (ii) menjadikan nilai aset semasa dalam penyata kewangan AHP mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, Pengurus-Pengurus tidak mengetahui tentang sebarang keadaan yang berbangkit yang membuatkan penggunaan kaedah penilaian yang digunakan sekarang bagi menilai harta-harta atau tanggungan AHP mengelirukan atau tidak sesuai.
- (d) Pada tarikh laporan ini, Pengurus-Pengurus tidak mengetahui mengenai sebarang perkara yang belum dinyatakan di dalam laporan ini atau penyata kewangan AHP yang boleh menjadikan mana-mana jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan tersebut mengelirukan.



- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:
- (i) apa-apa cagaran ke atas harta-harta AHP yang timbul sejak akhir tahun kewangan yang menjamin tanggungan-tanggungan pihak lain; atau
  - (ii) apa-apa tanggungan luarjangka bagi AHP yang timbul sejak akhir tahun kewangan
- (f) Pada pendapat para Pengarah Pengurus-Pengurus:
- (i) tidak ada tanggungan luarjangka atau lain-lain tanggungan AHP yang berkuatkuasa atau berkemungkinan sebegitu dalam tempoh dua belas bulan dari akhir tahun kewangan ini akan atau boleh memberi kesan yang penting terhadap keupayaan AHP menunaikan kewajipannya apabila tiba masa kewajipannya dituntut; dan
  - (ii) tidak terdapat sebarang butiran, urusanniaga atau peristiwa yang bersifat penting dan ganjil dalam jangkamasa di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini yang membawa kesan penting ke atas hasil operasi AHP bagi tahun kewangan yang dilaporkan ini.

#### JURUAUDIT

Juruaudit, Tetuan Hanafiah Raslan & Mohamad, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk dilantik semula.

Ditandatangani bagi pihak  
PELABURAN HARTANAH NASIONAL BERHAD  
menurut resolusi para Pengarah:



TAN SRI DATO' SERI (DR.) AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID



DATUK HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN

Kuala Lumpur, Malaysia  
Bertarikh: 27 Januari 2003



**PENYATA OLEH PENGURUS-PENGURUS**

Kami, TAN SRI DATO' SERI (DR.) AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID dan DATUK HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN, sebagai dua dari para Pengarah PELABURAN HARTANAH NASIONAL BERHAD, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan dari muka 35 ke 54 telah disediakan dengan wajar menurut piawaian perakaunan berkenaan dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 untuk memberi pandangan yang benar dan saksama berkenaan dengan keadaan urusan AMANAH HARTA TANAH PNB pada 31 Disember 2002 dan hasil kendalian serta aliran tunai untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak  
PELABURAN HARTANAH NASIONAL BERHAD  
menurut resolusi para Pengarah



TAN SRI DATO' SERI (DR.) AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID



DATUK HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN

Kuala Lumpur, Malaysia  
Bertarikh: 27 Januari 2003

**AKUAN BERKANUN**

Saya, SITI RAMELAH BINTE YAHYA, sebagai pegawai kepada Pengurus-Pengurus yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan AMANAH HARTA TANAH PNB, dengan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan dari muka 35 ke 54 sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul, dan saya membuat pengakuan ini sesungguhnya dengan mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya )  
oleh SITI RAMELAH BINTE YAHYA )  
yang tersebut di atas di Kuala Lumpur dalam )  
Wilayah Persekutuan pada 27 Januari 2003 ) SITI RAMELAH BINTE YAHYA



Dihadapan saya,



MAISHARAH BT. ABU HASSAN  
Pesuruhjaya Sumpah,  
Kuala Lumpur, Malaysia

**PENYATA PEMEGANG AMANAH****Kepada pemegang-pemegang unit  
AMANAH HARTA TANAH PNB**

AMANAH RAYA BERHAD sebagai Pemegang Amanah kepada AMANAH HARTA TANAH PNB, ("Unit Amanah") berpendapat bahawa PELABURAN HARTANAH NASIONAL BERHAD, selaku Pengurus-Pengurus Unit Amanah, telah menjalankan tanggungjawab mereka bagi tahun kewangan dalam tinjauan selaras dengan objektif Unit Amanah, had-had kuasa pelaburan dan peruntukan-peruntukan lain yang termaktub di dalam Suratikatan Amanah. Ianya juga mematuhi dengan peruntukan Garis Panduan Tabung Amanah Hartanah, Akta Suruhanjaya Sekuriti, 1993 dan undang-undang lain yang diterima pakai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002.

Bagi pihak  
AMANAH RAYA BERHAD



IZHAM BIN YUSOFF  
Pengarah Urusan

Kuala Lumpur, Malaysia  
Tarikh: 27 Januari 2003

**LAPORAN JURUAUDIT KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT  
AMANAH HARTA TANAH PNB**

Kami telah memeriksa penyata kewangan yang dibentangkan pada mukasurat 35 hingga 54. Penyata kewangan ini adalah tanggungjawab Pengurus-Pengurus Unit Amanah Harta Tanah PNB ("Unit Amanah"). Tanggungjawab kami ialah untuk mengemukakan pendapat ke atas penyata kewangan ini berasaskan audit kami.

Kami telah menjalankan audit menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut memerlukan kami merancang dan melaksanakan audit untuk mendapat kepastian yang munasabah samada penyata kewangan ini bebas dari kesilapan yang material. Audit termasuk memeriksa, melalui asas ujian, bukti yang menyokong jumlah dan pendedahan di dalam penyata-penyata kewangan. Audit juga termasuk menilai prinsip-prinsip perakaunan yang digunakan dan anggaran-anggaran penting yang dibuat oleh Pengurus Unit Amanah, di samping menilai gambaran keseluruhan yang diberikan oleh penyata kewangan. Kami percaya bahawa audit kami telah memberikan asas yang munasabah untuk menyatakan pendapat kami.

Pada pendapat kami, penyata kewangan tersebut telah disediakan dengan wajar menurut piawaian perakaunan yang diluluskan dan peruntukan Akta Syarikat dan Garis Panduan Tabung Amanah Hartanah yang berkenaan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan dengan:

- i) keadaan urusan Unit Amanah pada 31 Disember 2002 dan hasil kendalian dan aliran tunai Unit Amanah untuk tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
- ii) perkara-perkara yang diperlukan oleh Seksyen 169 dalam Akta Syarikat 1965 untuk diambilkira dalam penyata kewangan.



HANAFIAH RASLAN & MOHAMAD  
AF: 0002  
Akauntan Bertauliah



Habibah bte Abdul  
1210/05/04(J)  
Rakankongsi Firma

Kuala Lumpur, Malaysia  
Tarikh: 27 Januari 2003



**PENYATA PENDAPATAN  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2002**

**JUMLAH PENDAPATAN**

	Nota	2002 RM	2001 RM
Pendapatan sewa kasar	5	11,336,716	9,678,428
Tolak: Perbelanjaan operasi hartanah Susutnilai	6	(5,333,926) (7,992)	(4,691,369) (9,007)
Pendapatan sewa bersih		5,994,798	4,978,052
Pendapatan faedah dari deposit dengan institusi kewangan		96,122	72,255
Keuntungan nyata dari pelupusan saham disebutharga:			
- Aset berkaitan hartanah		1,108,568	852,799
- Aset bukan berkaitan hartanah		10,546	66,557
Dividen kasar dari:			
- Aset berkaitan hartanah		57,890	372,140
- Aset bukan berkaitan hartanah		81,380	100,570
		<u>7,349,304</u>	<u>6,442,373</u>

**JUMLAH PERBELANJAAN**

Yuran Pengurus-Pengurus	7	(1,303,719)	(1,418,876)
Yuran Pemegang Amanah	8	(130,000)	(130,000)
Ganjaran juruaudit		(12,000)	(9,000)
(Kerugian)/keuntungan tidak nyata ke atas penilaian aset berkaitan hartanah		(969,451)	437,538
Keuntungan/(kerugian) tidak nyata ke atas penilaian aset bukan berkaitan hartanah		170,149	(974,529)
Percetakan, perbelanjaan pos dan pelbagai perbelanjaan		(194,530)	(207,141)
		<u>(2,439,551)</u>	<u>(2,302,008)</u>

**PENDAPATAN SEBELUM BUTIRAN  
TERKECUALI DAN CUKAI  
BUTIRAN TERKECUALI**

	11	4,909,753 -	4,140,365 276,897
--	----	----------------	----------------------

**PENDAPATAN SEBELUM CUKAI  
CUKAI**

	12	4,909,753 (850,416)	4,417,262 (1,169,572)
--	----	------------------------	--------------------------

**PENDAPATAN BERSIH BAGI TAHUN SEMASA**

		<u>4,059,337</u>	<u>3,247,690</u>
--	--	------------------	------------------

**PENYATA PENDAPATAN (SAMB.)  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2002**

**PENDAPATAN SETIAP UNIT**

**PENDAPATAN SETIAP UNIT**

**(SEBELUM YURAN PENGURUS-PENGURUS)**

- Kasar sebelum cukai

- Bersih selepas cukai

**PENGAGIHAN PENDAPATAN BERSIH**

Pengagihan pendapatan interim sebanyak 3%

(2001 : 3%) dibayar pada 30 Ogos 2002

(2001 : 30 Ogos 2001)

Pengagihan pendapatan akhir dicadangkan

sebanyak 2.5% (2001 : 3.0%) akan

dibayar pada 28 Februari 2003 (2001 :

dibayar pada 28 Februari 2002)

**PENGAGIHAN PENDAPATAN AKHIR SETIAP**

**UNIT**

- Kasar sebelum cukai

- Bersih selepas cukai

**PENGAGIHAN PENDAPATAN INTERIM SETIAP**

**UNIT**

- Kasar sebelum cukai

- Bersih selepas cukai

<b>Nota</b>	<b>2002 RM</b>	<b>2001 RM</b>
13	<u>4.06 sen</u>	<u>3.25 sen</u>
	<u>6.21 sen</u>	<u>5.84 sen</u>
	<u>5.36 sen</u>	<u>4.67 sen</u>
14	<u>2,305,367</u>	<u>2,421,093</u>
	<u>2,344,217</u>	<u>2,409,335</u>
14	<u>2.50 sen</u>	<u>3.00 sen</u>
	<u>2.34 sen</u>	<u>2.41 sen</u>
14	<u>3.00 sen</u>	<u>3.00 sen</u>
	<u>2.31 sen</u>	<u>2.42 sen</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.



LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DECEMBER 2002

	Nota	2002 RM	2001 RM
<b>PELABURAN</b>			
Hartanah	15	125,023,066	123,769,064
Aset berkaitan hartanah	16	1,849,165	4,328,360
Aset bukan berkaitan hartanah	17	4,276,900	3,424,620
Deposit dengan institusi-institusi kewangan	18	2,732,384	1,346,627
		<u>133,881,515</u>	<u>132,868,671</u>
<b>LAIN-LAIN ASET</b>			
Alat-alatan, perabot dan kelengkapan	19	10,728	18,720
Penghutang perdagangan	20	510,281	549,289
Lain-lain penghutang	20	390,097	2,192,369
Tunai dan baki di bank		26,045	8,436
		<u>937,151</u>	<u>2,768,814</u>
<b>JUMLAH ASET</b>		<u>134,818,666</u>	<u>135,637,485</u>
<b>LIABILITI</b>			
Deposit-deposit sewaan	21	3,092,293	3,162,020
Lain-lain pemiutang	22	1,041,552	1,102,532
Terhutang kepada Pengurus-Pengurus		312,935	345,682
		<u>4,446,780</u>	<u>4,610,234</u>
<b>NILAI ASET BERSIH</b>		<u>130,371,886</u>	<u>131,027,251</u>
<b>DIBIAYAI OLEH:</b>			
<b>DANA PEMEGANG-PEMEGANG UNIT</b>			
Modal pemegang-pemegang unit	23	100,000,000	100,000,000
Rizab penilaian	24	22,474,406	22,474,406
Pendapatan yang belum diagihkan		7,897,480	8,552,845
		<u>130,371,886</u>	<u>131,027,251</u>
<b>ASET ZAHIR BERSIH SETIAP UNIT</b>	25	<u>130.4 sen</u>	<u>131.0 sen</u>
<b>UNIT DALAM EDARAN</b>		<u>100,000,000</u>	<u>100,000,000</u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM NILAI ASET BERSIH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2002

	Tidak boleh	← Boleh diagihkan →		Jumlah dana pemegang pemegang unit	
	diagihkan	Rizab Am	Pendapatan yang belum diagihkan		
Modal pemegang-unit	Rizab penilaian	Rizab Am	Pendapatan yang belum diagihkan	Jumlah dana pemegang pemegang unit	
RM	RM	RM	RM	RM	
Pada 1 Januari 2001					
Seperti dinyatakan sebelumnya	100,000,000	26,939,989	19,000,000	595,022	146,535,011
Pelarasan tahun terdahulu					
- Nota 26 (a)	-	-	-	(11,868,774)	(11,868,774)
- Nota 26 (b)	-	-	-	2,194,576	2,194,576
Pada 1 Januari 2001 (dinyatakan semula)	100,000,000	26,939,989	19,000,000	(9,079,176)	136,860,813
Pengurangan dalam lebihan penilaian semula	-	(4,465,583)	-	-	(4,465,583)
Pemindahan daripada rizab am	-	-	(19,000,000)	19,000,000	-
Pendapatan bersih tahun semasa	-	-	-	3,247,690	3,247,690
Pengagihan pendapatan bagi tahun semasa:					
Pengagihan akhir					
- 31 Disember 2000	-	-	-	(2,194,576)	(2,194,576)
Pengagihan interim					
- 31 Disember 2001 (Nota 14)	-	-	-	(2,421,093)	(2,421,093)
Pada 31 Disember 2001	100,000,000	22,474,406	-	8,552,845	131,027,251
Pada 1 Januari 2002					
Seperti dinyatakan sebelumnya	100,000,000	22,474,406	-	15,458,371	137,932,777
Pelarasan tahun terdahulu					
- Nota 26 (a)	-	-	-	(9,314,861)	(9,314,861)
- Nota 26 (b)	-	-	-	2,409,335	2,409,335
Pada 1 Januari 2002 (dinyatakan semula)	100,000,000	22,474,406	-	8,552,845	131,027,251
Pendapatan bersih tahun semasa	-	-	-	4,059,337	4,059,337
Pengagihan pendapatan bagi tahun semasa:					
Pengagihan akhir					
- 31 Disember 2001 (Nota 14)	-	-	-	(2,409,335)	(2,409,335)
Pengagihan Interim					
- 31 Disember 2002 (Nota 14)	-	-	-	(2,305,367)	(2,305,367)
Pada 31 Disember 2002	100,000,000	22,474,406	-	7,897,480	130,371,886

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.



**PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2002**

**ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI**

	2002 RM	2001 RM
Pendapatan sebelum cukai	4,909,753	4,417,262
Pelarasan untuk perkara yang tidak melibatkan pergerakan dana:		
Susutnilai	7,992	9,007
(Kerugian)/keuntungan tidak nyata ke atas penilaian aset berkaitan hartanah	969,451	(437,538)
Keuntungan/(kerugian) tidak nyata ke atas penilaian aset bukan berkaitan hartanah	(170,149)	974,529
Butiran luarbiasa	-	(276,897)
Pelunasan perbelanjaan tertunda	23,921	23,921
Keuntungan nyata dari pelupusan:		
- Aset berkaitan hartanah	(1,108,568)	(852,799)
- Aset bukan berkaitan hartanah	(10,546)	(66,557)
Pendapatan faedah dari deposit dengan institusi kewangan	(96,122)	(72,255)
Dividen kasar:		
- Aset berkaitan hartanah	(57,890)	(372,140)
- Aset bukan berkaitan hartanah	(81,380)	(100,570)
Pendapatan kendalian sebelum perubahan modal kerja	4,386,462	3,245,963
Pengurangan/(pertambahan) siberhutang	1,782,221	(2,057,663)
(Pengurangan)/pertambahan siputang	(60,980)	41,038
(Pengurangan)/pertambahan deposit sewaan	(69,727)	696,932
(Pengurangan)/pertambahan terhutang kepada Pengurus-Pengurus	(32,747)	210,783
Tunai dihasilkan daripada operasi	6,005,229	2,137,053
Cukai dibayar	(802,026)	(1,231,159)
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi	5,203,203	905,894



**PENYATA ALIRAN TUNAI (SAMB.)  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2002**

	<b>2002 RM</b>	<b>2001 RM</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>		
Pelaburan dalam hartanah	(1,254,003)	(2,791,848)
Pembelian alat-alatan, perabot dan kelengkapan	-	(3,041)
Perolehan daripada pelupusan:		
- Aset berkaitan hartanah	4,801,879	4,972,891
- Aset bukan berkaitan hartanah	287,447	481,514
Pembelian :		
- Aset berkaitan hartanah	(1,043,970)	-
- Aset bukan berkaitan hartanah	(2,098,630)	(469,500)
Faedah diterima	95,506	73,924
Dividen diterima daripada:		
- Aset berkaitan hartanah	57,890	372,140
- Aset bukan berkaitan hartanah	68,746	113,128
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pelaburan	<u>914,865</u>	<u>2,749,208</u>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN</b>		
Pembayaran bagi pengagihan pendapatan	<u>(4,714,702)</u>	<u>(4,615,669)</u>
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti kewangan	<u>(4,714,702)</u>	<u>(4,615,669)</u>
<b>PERTAMBAHAN/(PENGURANGAN) BERSIH TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI</b>	1,403,366	(960,567)
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN</b>	<u>1,355,063</u>	<u>2,315,630</u>
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<u><u>2,758,429</u></u>	<u><u>1,355,063</u></u>
<b>TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:</b>		
Baki di bank	26,045	8,436
Deposit dengan institusi-institusi kewangan	<u>2,732,384</u>	<u>1,346,627</u>
	<u><u>2,758,429</u></u>	<u><u>1,355,063</u></u>

Nota-nota lampiran merupakan sebahagian daripada penyata ini.



**NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2002****1. TABUNG AMANAH, PENGURUS-PENGURUS DAN AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA**

Unit Amanah ini diperlembagakan mengikut tatacara Suratikatan Amanah bertarikh 20 Mac 1989 oleh Pengurus-Pengurusnya iaitu Pelaburan Hartanah Nasional Berhad (PHNB), Pemegang Amanah iaitu Amanah Raya Berhad, dan beberapa orang yang memegang unit-unit di dalam Unit Amanah.

Aktiviti utama Unit Amanah ini adalah pelaburan dalam hartanah. Tiada sebarang perubahan besar dalam aktiviti utama sepanjang tahun ini.

Pengurus-Pengurus, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, adalah syarikat subsidiari Permodalan Nasional Berhad (PNB). Aktiviti utama Pengurus-Pengurus adalah mengurus amanah hartanah. Tiada sebarang perubahan ketara dalam aktiviti utama sepanjang tahun ini.

Pengurus Hartanah, PNB Property Management Sdn. Berhad (PMSB), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, adalah syarikat subsidiari milik penuh PNB. Aktiviti utama syarikat adalah menyelenggarakan hartanah-hartanah milik Tabung Amanah. Tiada perubahan ketara dalam aktiviti utama sepanjang tahun ini.

PNB ialah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Aktiviti utamanya adalah membeli dan memiliki saham untuk meningkatkan pegangan modal saham kaum Bumiputera dalam sektor korporat di Malaysia.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk diterbitkan menurut resolusi para pengarah pada 27 Januari 2003.

**2. TEMPOH UNIT AMANAH**

Unit akan meneruskan operasinya sehingga ke satu tempoh yang akan ditetapkan oleh Pemegang Amanah dan Pengurus-Pengurus seperti yang termaktub di bawah peruntukan Fasal 23 Suratikatan Amanah Tambahan Ketiga AHP.

**3. OBJEKTIF DAN POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN**

Pendedahan kepada risiko pasaran, kadar faedah dan kredit timbul dalam perjalanan biasa urusan Unit Amanah. Unit Amanah mempunyai garis panduan dan polisi pelaburan yang diluluskan berserta kawalan dalaman yang menentukan strategi perniagaan keseluruhan bagi mengurus risiko-risiko ini bagi memaksimumkan pulangan dan mengekalkan modal pemegang-pemegang unit, selari dengan objektif jangka panjang Unit Amanah.

**Risiko Pasaran**

Unit Amanah menguruskan risiko pasaran secara aktif melalui garis panduan dan polisi pelaburan yang disediakan dan juga strategi pengagihan portfolio aset dan diversifikasi. Unit Amanah tidak mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti-aktiviti spekulatif.

Pendedahan kepada risiko pasaran terhasil dari perjalanan biasa perniagaan Unit Amanah dari ketidakpastian dalam harga pasaran instrumen kewangan yang dilaburkan oleh Unit Amanah.

### Risiko Kadar Faedah

Unit Amanah mengurus risiko kadar faedah secara aktif dengan mengekalkan portfolio instrumen kewangan berdasarkan garis panduan dan polisi pelaburan dan semakan yang kerap ke atas kadar faedah dan jangkaan pasaran.

Risiko kadar faedah adalah risiko nilai instrumen kewangan Unit Amanah yang sensitif terhadap kadar faedah yang berubah-ubah disebabkan oleh perubahan dalam kadar faedah pasaran.

### Risiko Kredit

Unit Amanah menguruskan risiko kreditnya dengan mempunyai polisi dan garis panduan bagi pelaburan dan had pendedahan pihak lain bagi mengurangkan konsentrasi risiko tersebut. Penilaian kredit dari masa ke semasa dijalankan ke atas pihak-pihak tersebut.

Risiko kredit terbit dari urusan dengan penyewa hartanah Unit Amanah dan perantara seperti broker saham dan institusi-institusi kewangan.

## 4. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

### (a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut piawaian kos sejarah kecuali pelaburan dalam hartanah dan sekuriti disebut harga.

Penyata kewangan ini disediakan menurut peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan Garis Panduan Tabung Amanah Hartanah yang berkenaan.

### (b) Alat-alatan, perabot dan kelengkapan dan susutnilai

Alat-alatan, perabot dan kelengkapan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian pengurangan nilai. Polisi bagi pengiktirafan dan pengiraan kerugian pengurangan nilai adalah selaras dengan Nota 4(f).

Susutnilai diperuntukkan ke atas kos alat-alatan, perabot dan kelengkapan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran hayat kegunaan pada kadar tahunan berikut:

Alat-alatan	20%
Perabot dan kelengkapan	20%

Perbezaan di antara penerimaan bersih pelupusan dan jumlah dibawanya dikenakan atau dikreditkan kepada penyata pendapatan apabila alat-alatan, perabot dan kelengkapan dilupuskan.



**(c) Hartanah**

Hartanah termasuk tanah dan bangunan yang dinyatakan pada nilai.

Penilaian semula dijalankan oleh jurunilai bebas sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga tahun untuk menentukan nilai pasaran saksama. Sebarang tambahan dalam amaun dibawa daripada penilaian pelaburan hartanah yang sama yang telah dikreditkan ke ekuiti sebagai lebih penilaian; sebarang pengurangan dalam amaun dibawa menghapuskan penambahan sebelum bagi pelaburan hartanah yang sama yang telah dikreditkan ke lebih penilaian, dan seterusnya dibalikkan atau digunakan, ianya kemudian dikenakan atas lebih penilaian. Bagi semua kes, pengurangan dalam amaun dibawa akan diiktiraf sebagai perbelanjaan. Sebarang tambahan penilaian berkaitan secara langsung dengan pengurangan sebelum dalam amaun dibawa untuk pelaburan hartanah yang sama, yang telah diiktiraf sebagai perbelanjaan, akan dikreditkan ke pendapatan sehingga ianya menghapuskan pengurangan yang telah dicatat semula.

Dalam penghapusan pelaburan hartanah, bahagian yang berkaitan dengan lebih penilaian bagi penilaian sebelum akan dibebaskan daripada lebih penilaian pelaburan hartanah terus kepada keuntungan terkumpul.

**(d) Aset Berkaitan Hartanah / Aset Bukan Berkaitan Hartanah**

Aset berkaitan hartanah terdiri daripada sekuriti disebut harga diterbitkan oleh syarikat-syarikat hartanah.

Aset bukan berkaitan hartanah terdiri daripada sekuriti disebut harga diterbitkan oleh syarikat-syarikat bukan hartanah.

Sekuriti disebut harga dinyatakan pada nilai pasaran. Nilai pasaran ditentukan berdasarkan kepada harga penawaran pasaran disebut harga di bursa saham pada penutupan perniagaan pada tarikh lembaranimbangan. Tambahan atau kurangan dalam jumlah dibawa bagi sekuriti disebut harga dikreditkan atau dikenakan kepada penyata pendapatan.

Bagi mematuhi peruntukan klausa 8.7(4) Garis Panduan Tabung Amanah Hartanah Suruhanjaya Sekuriti diterbitkan pada November 2002, Unit Amanah telah menukar polisi perakaunan bagi penilaian sekuriti disebut harga dari kos di tolak peruntukan rosotnilai kekal kepada nilai pasaran. Berikutan perubahan dalam polisi perakaunan ini, amaun-amaun bagi tahun semasa dan tahun perbandingan dinyatakan berdasarkan asas baru dan pelarasan tahun sebelum telah dibuat. Kesan daripada perubahan dalam polisi perakaunan ini dinyatakan di dalam Nota 26(a) kepada penyata kewangan.

**(e) Pengiktirafan pendapatan**

Pendapatan sewaan dari pelaburan hartanah dan pendapatan faedah dari pelaburan jangka pendek adalah diambilkira mengikut dasar terakru.

Pendapatan dividen kasar dari pelaburan saham disebut harga diiktiraf setelah ianya diumumkan, setelah hak penerimaan dividen tersebut dikenal pasti.

### (f) Pengurangan nilai aset

Pada setiap tarikh Lembaran Imbangan, Pengurus-Pengurus menyemak nilai aset dibawa, selain daripada aset kewangan, bagi menentukan samada ada petanda yang aset tersebut mungkin mengalami pengurangan dalam nilainya. Sekiranya terdapat petanda tersebut, pengurangan dalam nilai diukur secara membanding nilai aset dibawa dengan amaun yang boleh diterima. Amaun boleh terima adalah amaun yang lebih tinggi di antara harga jualan bersih atau nilai digunakan, di mana ianya dikira berdasarkan aliran tunai masa hadapan di diskaunkan. Amaun boleh diterima dianggar bagi setiap aset atau, jika tidak boleh, bagi unit penghasilan-tunai.

Kerugian rosot nilai dicaj ke penyata pendapatan serta merta, melainkan aset tersebut dinyatakan pada amaun penilaian. Sebarang kerugian rosot nilai dianggap sebagai kurangan penilaian hingga ke tahap lebih penilaian yang diiktiraf terdahulu bagi aset tersebut.

Tambahan dalam amaun yang boleh diterima selanjutnya dianggap sebagai balikan kepada kerugian rosot nilai yang terdahulu dan diiktiraf sehingga tahap amaun dibawa bagi aset tersebut (tolak pelunasan dan susut nilai) jika tiada kerugian rosot nilai diiktiraf. Balikan itu diiktiraf dalam penyata pendapatan serta merta, melainkan aset tersebut dinyatakan pada amaun penilaian. Jika kerugian rosot nilai pada aset tersebut telah diiktiraf sebagai belanja dalam penyata pendapatan sebelum ini, balikan itu diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan sehingga tahap yang diiktiraf sebagai belanja sebelum ini.

### (g) Pengagihan dicadangkan

Pengagihan dicadangkan diambil kira apabila tanggungjawab untuk membayar telah dikenal pasti.

Sebelum 1 Januari 2002, pengagihan dicadangkan selepas tarikh Lembaran Imbangan telah diakrukan sebagai liabiliti pada tarikh Lembaran Imbangan.

Dalam tahun semasa, bagi mematuhi Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia 19 ("MASB 19") : Perkara Selepas Tarikh Lembaran Imbangan, pengagihan tersebut akan hanya dinyatakan dengan cara nota kepada penyata kewangan dan pengagihan tersebut akan diambil kira sebagai pengagihan dari pendapatan belum diagihkan di dalam tahun di mana tanggung jawab untuk membayar telah dikenal pasti.

Berikutan perubahan dalam polisi perakaunan ini, amaun bagi tahun semasa dan tahun-tahun perbandingan telah dinyatakan berdasarkan asas baru dan pelarasan tahun sebelum telah dibuat. Kesan daripada perubahan dalam polisi perakaunan ini dinyatakan di dalam Nota 26(b) kepada penyata kewangan.

### (h) Tunai dan persamaan tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan persamaan tunai terdiri daripada tunai di bank, deposit panggilan dan pelaburan jangka pendek yang mempunyai kecairan yang tinggi yang mempunyai risiko perubahan dalam nilai yang rendah.



**(i) Instrumen Kewangan**

Aset kewangan dan liabiliti kewangan di dalam penyata aset dan liabiliti adalah merangkumi tunai di bank, saham disebut harga, deposit dengan institusi kewangan, penghutang dan pemiutang. Dasar-dasar perakaunan atas pengiktirafan dan ukuran bagi perkara-perkara tersebut dinyatakan dalam dasar perakaunan masing-masing.

Instrumen kewangan diklasifikasikan sebagai aset atau liabiliti berdasarkan butiran perjanjian kontrak. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan instrumen kewangan yang diklasifikasikan sebagai aset dilaporkan sebagai pendapatan.

**5. PENDAPATAN SEWA KASAR**

Pendapatan sewa kasar merangkumi sewaan yang telah/akan diterima dari penyewa-penyewa.

**6. PERBELANJAAN OPERASI HARTANAH**

Termasuk di dalam perbelanjaan operasi adalah seperti berikut:

	<b>2002 RM</b>	<b>2001 RM</b>
Perbelanjaan penjagaan, pembaikan dan membaik pulih	1,071,204	722,935
Cukai pintu	893,685	899,017
Cukai tanah	49,068	49,049
Yuran Pengurus Hartanah*	375,061	401,701

\* Berkenaan pengurusan hartanah yang dimiliki oleh AHP, Pengurus Hartanah, PMSB, berhak menerima yuran pengurus hartanah seperti yang dinyatakan dalam Suratikatan Amanah. Yuran ini adalah berdasarkan skala bertingkat yang dinyatakan dalam Suratikatan Amanah dan peruntukan Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah 1981.

**7. YURAN PENGURUS-PENGURUS**

Pada setiap tempoh terakru, Pengurus-Pengurus PHNB, berhak menerima yuran yang tidak melebihi 2% dari nilai aset bersih Unit Amanah seperti yang ditakrifkan di dalam Suratikatan Amanah AHP. Yuran Pengurus-Pengurus yang dikenakan bagi tahun berakhir 31 Disember 2002 ialah 1 % (2001 : 1.08%) daripada nilai aset bersih tabung AHP bagi tahun ini, yang berjumlah RM130.4 juta (2001 : RM131.0 juta).

Tiada lain-lain yuran, komisyen atau caj perkhidmatan permulaan yang telah dibayar atau perlu dibayar kepada Pengurus-Pengurus.

**8. YURAN PEMEGANG AMANAH**

Pada setiap tempoh terakru, Pemegang Amanah, Amanah Raya Berhad, berhak menerima yuran yang tidak melebihi 0.1% dari nilai aset bersih Unit Amanah seperti yang ditakrifkan di dalam Suratikatan Amanah AHP. Yuran Pemegang Amanah yang dikenakan bagi tahun berakhir 31 Disember 2002 ialah 0.1% (2001 : 0.1%) daripada nilai aset bersih tabung AHP bagi tahun ini, yang berjumlah RM130.4 juta (2001 : RM131.0 juta).

**9. URUSNIAGA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BROKER SAHAM**

Disepanjang tahun kewangan, Pengurus-Pengurus telah membuat pembelian dan penjualan pelaburan untuk Unit Amanah dengan beberapa syarikat broker saham. Transaksi terperinci adalah seperti berikut:

<b>Syarikat Broker</b>	<b>Nilai urusniaga RM</b>	<b>Peratus atas nilai urusniaga %</b>	<b>Yuran broker RM</b>	<b>Peratus atas nilai yuran broker %</b>
AM Securities Sdn. Bhd.	257,806	9.9	712	10.2
BBMB Securities Sdn. Bhd.	170,334	6.5	405	5.9
BIMB Securities Sdn. Bhd.	430,210	16.4	1,188	17.2
KAF-Seagroatt & Campbell Securities Sdn. Bhd.	236,692	9.1	654	9.5
Kuala Lumpur City Securities Sdn. Bhd.	149,627	5.7	413	6.0
Mayban Securities Sdn. Bhd.	1,035,461	39.5	2,605	37.7
Mohaiyani Securities Sdn. Bhd.	337,034	12.9	931	13.5
<b>Jumlah</b>	<b>2,617,164</b>	<b>100.0</b>	<b>6,908</b>	<b>100.0</b>

**10. URUSNIAGA DENGAN SYARIKAT BERKAITAN DENGAN PENGURUS-PENGURUS**

	<b>2002 RM</b>	<b>2001 RM</b>
Pendapatan sewa diterima daripada Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB")	<u>482,220</u>	<u>443,520</u>

Urusniaga di atas telah dijalankan seperti urusniaga biasa dan dilaksanakan dibawah butiran dan syarat yang tidak kurang menarik daripada urusniaga yang dijalankan dengan pihak ketiga.

Termasuk di dalam penyata kewangan adalah baki dengan syarikat berkaitan dengan Pengurus-Pengurus:

	<b>2002 RM</b>	<b>2001 RM</b>
Deposit sewaan diterima daripada ASNB	<u>116,080</u>	<u>107,080</u>



**11. BUTIRAN TERKECUALI**

Butiran terkecuali merupakan nilai yang diambilkira semula disebabkan oleh peningkatan nilai setiap satu pelaburan hartanah berikutan penilaian semula pelaburan hartanah setakat mana nilainya melebihi kos.

**12. CUKAI**

Peruntukan tahun semasa  
 Lebihan peruntukan tahun sebelum

	2002 RM	2001 RM
Peruntukan tahun semasa	1,282,293	1,169,572
Lebaran peruntukan tahun sebelum	(431,877)	-
	<u>850,416</u>	<u>1,169,572</u>

**13. PENDAPATAN SEUNIT**

Pendapatan setiap unit telah dikira dengan membahagikan pendapatan bersih RM4,059,337 (2001 : RM3,247,690) bagi tahun semasa dengan jumlah unit-unit yang telah diterbitkan sebanyak 100,000,000 (2001 : 100,000,000) sepanjang tahun.

**14. PENGAGIHAN PENDAPATAN**

	2002		2001	
	Kasar RM	Bersih RM	Kasar RM	Bersih RM
Agihan pendapatan interim pada 3 % (2001: 3%) dibayar pada 30 Ogos 2002 (2001 : dibayar pada 30 August 2001)	3,000,000	2,305,367	3,000,000	2,421,093
Agihan pendapatan akhir pada 2.5% (2001 : 3%) dicadangkan dibayar pada 28 Februari 2003* (2001 : dibayar pada 28 Februari 2002)	2,500,000	2,344,217	3,000,000	2,409,335
Jumlah agihan bagi tahun	<u>5,500,000</u>	<u>4,649,584</u>	<u>6,000,000</u>	<u>4,830,428</u>
Agihan seunit (sen)	<u>5.50</u>	<u>4.65</u>	<u>6.00</u>	<u>4.83</u>

\* Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2002, pengagihan pendapatan akhir kasar sebanyak 2.5 sen seunit (bersih selepas cukai - 2.34 sen seunit), berjumlah RM2,500,000 (bersih selepas cukai - RM2,344,217), akan dibayar pada 28 Februari 2003, telah diisytiharkan oleh Pengurus-Pengurus dan diluluskan oleh Pemegang Amanah pada 27 Januari 2003. Penyata kewangan bagi tahun semasa tidak menunjukkan pengagihan dicadangkan ini. Pengagihan tersebut akan diambil kira sebagai pengeluaran dari pendapatan belum diagihkan di dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2003.



**14. PENGAGIHAN PENDAPATAN (SAMB.)**

**Sumber pengagihan**

Pengagihan kepada pemegang unit adalah dari sumber-sumber berikut:

	<b>2002 RM</b>	<b>2001 RM</b>
Pendapatan sewa bersih	5,994,798	4,978,052
Pendapatan faedah dari deposit dengan institusi kewangan	96,122	72,255
Keuntungan dari pelupusan:		
- Aset berkaitan hartanah	998,215	852,799
- Aset bukan berkaitan hartanah	-	66,557
Dividen kasar dari:		
- Aset berkaitan hartanah	-	372,140
- Aset bukan berkaitan hartanah	-	100,570
Pendapatan yang belum diagihkan tahun sebelum	-	690,063
	<u>7,089,135</u>	<u>7,132,436</u>
Tolak:		
Perbelanjaan	(2,439,551)	(2,302,008)
Jumlah agihan	<u>4,649,584</u>	<u>4,830,428</u>

**15. HARTANAH**

	<b>Tanah dan bangunan milik bebas RM</b>	<b>Bangunan pajakan RM</b>	<b>Jumlah RM</b>
<b>Pada penilaian:</b>			
Pada 1 Januari 2002	120,898,173	1,990,000	122,888,173
Pengkelasan semula	(2,348,173)	-	(2,348,173)
Pada 31 Disember 2002	<u>118,550,000</u>	<u>1,990,000</u>	<u>120,540,000</u>
<b>Pada kos:</b>			
Pada 1 Januari 2002	880,891	-	880,891
Tambahan	399,446	854,556	1,254,002
Pengkelasan semula	2,348,173	-	2,348,173
Pada 31 Disember 2002	<u>3,628,510</u>	<u>854,556</u>	<u>4,483,066</u>
Jumlah pada 31 Disember 2002	<u>122,178,510</u>	<u>2,844,556</u>	<u>125,023,066</u>
Jumlah pada 31 Disember 2001	<u>121,779,064</u>	<u>1,990,000</u>	<u>123,769,064</u>

Pelaburan dalam hartanah dinyatakan pada nilai pasaran seperti yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti pada 7 Februari 2001.



15. HARTANAH (SAMB.)

Butir-butir penilaian profesional bebas pada pelaburan dalam hartanah pada 31 Disember 2002 adalah seperti berikut:

Tahun penilaian	Maklumat hartanah	Nilai RM	Asas penilaian
2000	Plaza IBM	67,400,000	Nilai pasaran
2000	Rumah kedai empat tingkat di Kuantan	900,000	Nilai pasaran
2000	Kedai/Pejabat strata, di Butterworth	880,000	Nilai pasaran
2000	Bangunan AHP	35,600,000	Nilai pasaran
2000	Sri Impian, Taman Setiawangsa, Kuala Lumpur	9,000,000	Nilai pasaran
2000	Kedai/Pejabat srata, di Asia City, Kota Kinabalu	1,250,000	Nilai pasaran
2000	Rumah kedai tiga tingkat di Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur	1,240,000	Nilai pasaran
2000	2 Unit kedai/pejabat empat tingkat, di Pusat Bandar Melawati, Kuala Lumpur	2,100,000	Nilai pasaran
2000	Rumah-kedai empat tingkat, di Pusat Bandar Melawati, Kuala Lumpur	950,000	Nilai pasaran
2000	Rumah-kedai empat tingkat, di Miri	740,000	Nilai pasaran
2000	Rumah-kedai tiga tingkat, di Melaka	480,000	Nilai pasaran
		<u>120,540,000</u>	

16. ASET BERKAITAN HARTANAH

	2002 RM	2001 RM
Saham disebutarga, pada nilai pasaran	<u>1,849,165</u>	<u>4,328,360</u>

Saham disebutarga	Unit	Kos RM	Nilai Pasaran RM	Peratus Nilai Pasaran Ke atas Nilai Aset Bersih %
- Sektor hartanah	<u>2,142,000</u>	<u>9,980,730</u>	<u>1,849,165</u>	<u>1.4</u>

17. ASET BUKAN BERKAITAN HARTANAH

		2002 RM	2001 RM
Saham disebut harga, pada nilai pasaran		4,276,900	3,424,620

Saham disebut harga - Analisa sektor	Unit	Kos RM	Nilai pasaran RM	Peratus nilai pasaran ke atas nilai Aset bersih %
Pembinaan	235,000	1,387,734	1,198,500	0.9
Perdagangan	129,000	859,762	742,740	0.6
Kewangan	1,526,000	8,256,976	1,448,700	1.1
Perladangan	33,000	131,273	97,140	0.1
Barangan pengguna	782,000	1,763,410	789,820	0.6
	<u>2,705,000</u>	<u>12,399,155</u>	<u>4,276,900</u>	<u>3.3</u>

18. DEPOSIT DENGAN INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN

	2002 RM	2001 RM
Deposit tetap dengan institusi kewangan berlesen:		
Bank-bank berlesen	552,027	140,949
Syarikat-syarikat kewangan berlesen	1,142,420	445,348
Lain-lain institusi kewangan	500,000	560,330
	<u>2,194,447</u>	<u>1,146,627</u>
Sijil deposit bolehniaga	154,354	150,000
AI-Mudharabah	333,583	-
Wang dalam panggilan	50,000	50,000
	<u>2,732,384</u>	<u>1,346,627</u>

Kadar faedah wajaran purata dan kematangan deposit purata pada 31 Disember 2002 adalah seperti berikut:

	Kadar faedah wajaran purata %	Kematangan purata Hari
Bank-bank berlesen	2.88	93
Syarikat-syarikat kewangan berlesen	3.11	22
Lain-lain institusi kewangan	2.75	4

Lain-lain institusi kewangan adalah bank saudagar dan institusi diskaun.



19. ALAT-ALATAN, PERABOT DAN KELENGKAPAN

	Alat-alatan RM	Perabot dan kelengkapan RM	Jumlah RM
<b>Kos</b>			
Pada 1 Januari 2002	9,368	52,073	61,441
Tambahan	-	-	-
Pada 31 Disember 2002	<u>9,368</u>	<u>52,073</u>	<u>61,441</u>
<b>Susutnilai terkumpul</b>			
Pada 1 Januari 2002	7,088	35,633	42,721
Dikenakan dalam tahun	476	7,516	7,992
Pada 31 Disember 2002	<u>7,564</u>	<u>43,149</u>	<u>50,713</u>
<b>Nilai buku bersih</b>			
Pada 31 Disember 2002	<u>1,804</u>	<u>8,924</u>	<u>10,728</u>
Pada 31 Disember 2001	<u>2,280</u>	<u>16,440</u>	<u>18,720</u>
<b>Susutnilai bagi tahun 2001</b>	<u>288</u>	<u>8,719</u>	<u>9,007</u>

Termasuk di dalam alat-alatan, perabot dan kelengkapan adalah aset yang telah disusutnilai sepenuhnya yang masih digunakan yang mempunyai kos sebanyak RM21,530 (2001 : Tiada).

20. PENGHUTANG PERDAGANGAN DAN LAIN-LAIN PENGHUTANG

Unit Amanah tidak mempunyai konsentrasi yang ketara terhadap risiko kredit yang mungkin akan timbul dari pendedahan kepada satu penghutang atau kumpulan penghutang.

21. DEPOSIT-DEPOSIT SEWAAN

	2002 RM	2001 RM
Perlu dibayar dalam masa 12 bulan	1,096,660	1,220,551
Perlu dibayar selepas 12 bulan	1,995,633	1,941,469
	<u>3,092,293</u>	<u>3,162,020</u>

**22. LAIN-LAIN PEMIUTANG**

	<b>2002 RM</b>	<b>2001 RM</b>
Terhutang kepada PNB	903	263,406
Terhutang kepada PMSB	291,823	101,797
Terhutang kepada ASNB	-	2,295
Sewaan pendahuluan di terima	185,848	121,013
Pelbagai pemiutang	210,677	255,606
Terakru	352,301	358,415
	<u>1,041,552</u>	<u>1,102,532</u>

Jumlah terhutang kepada PNB, PMSB dan ASNB adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan tiada jadual pembayaran yang tetap.

**23. MODAL PEMEGANG-PEMEGANG UNIT**

	<b>2002</b>		<b>2001</b>	
	Unit	RM	Unit	RM
Diluluskan: Pada 1 Januari/ 31 Disember	<u>1,000,000,000</u>	<u>1,000,000,000</u>	<u>1,000,000,000</u>	<u>1,000,000,000</u>
Diterbitkan dan dibayar penuh pada 1 Januari/ 31 Disember	<u>100,000,000</u>	<u>100,000,000</u>	<u>100,000,000</u>	<u>100,000,000</u>

Pada 31 Disember 2002, Pengurus-Pengurus tidak memegang sebarang unit dalam Unit Amanah. Walaubagaimanapun, PNB memegang sebanyak 2,000,000 (2001 : 2,001,000) unit RM1.00 setiap satu, iaitu 2.00% (2001 : 2.00%) dari jumlah unit yang diterbitkan.

**24. RIZAB PENILAIAN**

Ini merupakan lebihan berikutan dari penilaian semula pelaburan dalam hartanah dan tidak boleh diagihkan melalui dividen tunai.

**25. ASET ZAHIR BERSIH SETIAP UNIT**

	<b>2002 RM</b>	<b>2001 RM</b>
Aset zahir bersih	<u>130,371,886</u>	<u>131,027,251</u>
Bilangan unit-unit berharga RM1.00 setiap satu yang diterbitkan	<u>100,000,000</u>	<u>100,000,000</u>
Aset zahir bersih seunit	<u>130.4 sen</u>	<u>131.0 sen</u>



## 26. PELARASAN TAHUN TERDAHULU

Pelarasan tahun terdahulu merupakan kesan daripada perubahan dalam polisi perakaunan bagi penilaian saham disebut harga dan pengagihan dicadangkan seperti yang dirujuk dalam Nota 4(d) dan 4(g). Perubahan ini telah diambilkira dengan cara menunjukkan kesan perubahan ke atas urusniaga pada tahun-tahun sebelumnya dan angka perbandingan telah dinyatakan semula bagi mengikut perubahan dalam polisi perakaunan.

### a) Pematuhan kepada Seksyen 8.7(4) Garis Panduan Unit Amanah Hartanah Suruhanjaya Sekuriti.

Perubahan dalam polisi perakaunan bagi penilaian saham disebut harga seperti dinyatakan dalam Nota 4(d) mempunyai kesan mengurangkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM799,302 dalam 2002 dan menambahkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM2,553,913 dalam 2001. Kesan ke atas tempoh sebelum 1 Januari 2001 sebanyak RM11,868,774 telah diselaraskan kepada pendapatan belum diagihkan dibawa kehadiran bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001.

### b) Pematuhan kepada MASB 19 - Perkara Selepas Tarikh Lembaran Imbangan.

Perubahan dalam polisi perakaunan bagi pengagihan dicadangkan seperti dinyatakan dalam Nota 4(g) mempunyai kesan meningkatkan pendapatan belum diagihkan Unit Amanah bagi tahun 2002 dan 2001, masing-masing sebanyak RM2,344,217 dan RM2,409,335. Kesan ke atas tempoh sebelum 1 Januari 2001 sebanyak RM2,194,576 telah diselaraskan kepada pendapatan belum diagihkan dibawa kehadiran bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001.

## 27. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Angka-angka perbandingan berikut telah dinyatakan semula bagi mengikut perbandingan tahun semasa:

	Seperti dinyatakan semula RM	Seperti dilaporkan sebelum ini RM
<b>Penyata Pendapatan</b>		
- timbul daripada terima pakai Seksyen 8.7(4) Garis Panduan Unit Amanah Hartanah Suruhanjaya Sekuriti		
Peruntukan rosot nilai pelaburan	-	(3,090,904)
Keuntungan tidak nyata dari penilaian aset berkaitan hartanah	437,538	-
Keuntungan tidak nyata dari penilaian aset bukan berkaitan hartanah	(974,529)	-

**27. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN (SAMB.)**

**Lembaran Imbangan**

- timbul daripada terima pakai Seksyen 8.7(4)  
Garis Panduan Unit Amanah Hartanah  
Suruhanjaya Sekuriti

Saham disebut harga	-	17,067,841
Aset berkaitan hartanah	4,328,360	-
Aset bukan berkaitan hartanah	3,424,620	-

- timbul daripada terima pakai MASB 19

Dividen dicadangkan	-	2,409,335
---------------------	---	-----------

**Penyata Perubahan Dalam Nilai Aset Bersih**

- timbul daripada terima pakai MASB 19

Pengagihan pendapatan	-	(2,409,335)
Pengagihan akhir (31 Disember 2000)	(2,194,576)	-

Sesetengah angka-angka perbandingan telah diklasifikasikan semula bagi mengikut peruntukan Garis Panduan Tabung Amanah Hartanah Suruhanjaya Sekuriti yang dikeluarkan pada November 2002.

Angka perbandingan tidak dinyatakan bagi sesetengah maklumat berkaitan instrumen kewangan seperti yang dibenarkan oleh MASB 24 - Instrumen Kewangan : Pendedahan dan Penyampaian yang diterima pakai bagi kali pertama.

**28. NILAI SAKSAMA INSTRUMEN KEWANGAN**

Kaedah dan andaian berikut digunakan untuk menganggarkan nilai saksama bagi setiap kelas instrumen kewangan yang berikut:

- i) Tunai dan Persamaan Tunai, Deposit dengan Bank Berlesen, Penghutang Perdagangan, Jumlah Terhutang kepada Pengurus-Pengurus, Deposit Sewaan, Peruntukan Pengagihan dan Pelbagai Penghutang/Pemiutang**

Nilai dibawa merupakan anggaran nilai saksama disebabkan oleh tempoh matang yang pendek bagi instrumen-instrumen kewangan ini.

- ii) Aset Berkaitan Hartanah/Aset Bukan Berkaitan Hartanah**

Nilai saksama bagi saham disebut harga ditentukan berdasarkan kepada harga penawaran pasaran yang disebut di bursa saham pada penutupan perniagaan pada tarikh lembaranimbangan.

**29. MATAWANG**

Semua jumlah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

Peringatan : Sekiranya terdapat percanggahan di antara versi Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris adalah dianggap betul.



# FINANCIAL STATEMENTS

2002



	Page
<i>Managers' Report</i>	56 - 61
<i>Statement by Managers</i>	62
<i>Statutory Declaration</i>	62
<i>Statement by Trustee</i>	63
<i>Auditors' Report</i>	64
<i>Income Statement</i>	65 - 66
<i>Balance Sheet</i>	67
<i>Statement of Changes in Net Asset Value</i>	68
<i>Cash Flow Statement</i>	69 - 70
<i>Notes to the Financial Statements</i>	71 - 84



### MANAGERS' REPORT ON AMANAH HARTA TANAH PNB FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2002

Pelaburan Hartanah Nasional Berhad ("PHNB"), the Managers of Amanah Harta Tanah PNB ("AHP"), have pleasure in presenting the Managers' Report on AHP together with the audited financial statements of AHP for the financial year ended 31 December 2002.

#### THE TRUST, THE MANAGERS AND THEIR PRINCIPAL ACTIVITIES

AHP was constituted under a Deed of Trust dated 20 March 1989, between PHNB, Amanah Raya Berhad as Trustee of AHP, and the several persons who acquire units in the Trust.

AHP commenced operations on 21 March 1989, and was listed on the Kuala Lumpur Stock Exchange ("KLSE") on 28 December 1990. The principal activity of AHP is investment in real properties. There has been no significant change in the nature of this activity during the year up until the date of this report.

The Managers, a company incorporated in Malaysia, is a subsidiary company of Permodalan Nasional Berhad ("PNB"). The principal activity of the Managers is the management of property unit trusts. There has been no significant change in the nature of this activity during the year.

#### MANAGERS' FEE AND COMMISSIONS

No initial service charge, fee or commission has been earned by the Managers in managing AHP other than the Managers' fee of RM1,303,719 (2001 : RM1,418,876) as disclosed in Note 7 to the financial statements of AHP. As provided in the Deed of Trust, the Managers are entitled to a management fee not exceeding 2% of the net asset value of the fund of AHP for each accrual period. The Managers' fee charged for the year ended 31 December 2002 is 1% (2001: 1.08%) of the net asset value of AHP as at end of the year of RM130.4 million (2001 : RM131.0 million).

#### TERM OF THE TRUST

AHP will continue its operations until such time as determined by the Trustee and the Managers as provided under the provisions of Clause 23 of the Third Supplemental Deed of Trust of AHP.

#### INVESTMENT POLICY AND STRATEGY

The investment policy of AHP is directed towards the expansion of AHP to be carried out through continuous search of quality properties which give reasonable yield and capital appreciation. The Managers will ensure that as far as possible AHP will not resort to borrowings to finance its acquisition of properties.

The Managers will continue to exercise prudent investment strategy with a view of generating stable and consistent income for AHP. Property selection for AHP will be based on a process with the main focus on criteria such as the location of the property, the potential for capital growth, physical quality of the property as well as the quality of the tenancies.



**INVESTMENTS OF THE TRUST**

Total investments of AHP as at 31 December 2002 was RM133.8 million (2001 : RM132.8 million). Details of the investment portfolio of AHP are as follows:

	2002		2001	
	RM million	%	RM million	%
<b>At valuation</b>				
Real properties				
- Commercial	120.5	90.1	122.8	92.4
